

31 OCT 2003

MEGAT-MAHATHIR/I

DR M AKAN DIRINDU, TAPI RAKYAT PERLU TERUS MELANGKAH

KUALA LUMPUR, 31 Okt (Bernama) -- Tun Dr Mahathir Mohamad, yang bersara sebagai perdana menteri hari ini, akan dirindui, tetapi rakyat Malaysia perlu harus teruskan usaha untuk melangkah ke hadapan, kata pengerusi Century Bond Bhd (CBB), Datuk Seri Megat Najmuddin Megat Khas.

Megat Najmuddin, yang juga presiden Institut Tadbir Urus Korporat Malaysia (MICG), berkata pentadbiran selama 22 Dr Mahathir merupakan tempoh yang amat menarik dalam sejarah Malaysia.

"Dr Mahathir telah mencatat pencapaian yang amat baik, tetapi sekarang akan berlaku perubahan.

"Tentunya kita akan merindui beliau, tetapi kita mesti mengambil kira bahawa beliau perlu berehat dan menikmati tahun-tahun emas beliau. Dan kita harap beliau akan bersara dengan gembira," katanya kepada Bernama di pinggiran majlis menandatangani perjanjian usaha sama antara CBB dan Cement Industries of Malaysia Bhd (CIMA), di sini hari ini.

Perjanjian itu ialah untuk membentuk sebuah syarikat, Prestige Packages (Perlis) Sdn Bhd, dengan CBB menguasai 70 peratus ekuiti di dalamnya dan CIMA 30 peratus.

Megat Najmuddin berkata beliau yakin Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang mengambil alih jawatan perdana menteri, berupaya mentadbir negara dengan rasa cinta, sayang dan tanggungjawab seperti mana Dr Mahathir.

"Saya yakin Datuk Seri Abdullah akan melangkah ke hadapan dengan lebih yakin kerana Dr Mahathir telah meletakkan asas yang amat kukuh untuk kita semua, rakyat Malaysia," katanya.

"Kita, rakyat Malaysia, mengharap masa depan yang cemerlang di bawah Datuk Seri Abdullah," tambahnya. -- BERNAMA

TNS TJK JR